

## Buruh Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Sorotan Literatur terhadap Isu dan Cabaran Undang-undang

### *(Child Labour in Malaysia: A Literature Review of Issues and Legal Challenges)*

Divya Saravanan<sup>1</sup>, Nadhilah A.Kadir<sup>2\*</sup> 

<sup>1</sup>Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: p159393@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: nadhilah@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Nadhilah A.Kadir  
([nadhilah@ukm.edu.my](mailto:nadhilah@ukm.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Buruh kanak-kanak  
Hak kanak-kanak  
Kerangka perundangan  
Analisis tematik  
Malaysia

#### KEYWORDS:

Child labour  
Children's rights  
Legal framework  
Thematic analysis  
Malaysia

#### CITATION:

Divya, S., & Nadhilah, A. K. (2026). Buruh Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Sorotan Literatur terhadap Isu dan Cabaran Undang-undang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(5), e003986. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i5.3986>

#### ABSTRAK

Buruh kanak-kanak merupakan isu yang masih berterusan di peringkat global dan nasional, termasuk di Malaysia, walaupun pelbagai instrumen antarabangsa seperti Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah diperkenalkan. Artikel ini bertujuan untuk meninjau literatur sedia ada berkaitan isu buruh kanak-kanak di Malaysia dengan memberi fokus kepada konsep, faktor penyumbang, kerangka perundangan, serta cabaran pelaksanaan dan penguatkuasaan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik terhadap literatur terpilih bagi mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan isu buruh kanak-kanak serta menilai jurang kajian yang wujud. Dari aspek perundangan, Malaysia telah menggubal beberapa peruntukan berkaitan pekerjaan kanak-kanak, termasuk Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, yang mengawal selia penglibatan kanak-kanak dalam sektor pekerjaan. Namun begitu, literatur menunjukkan bahawa masih wujud kekangan dari segi pelaksanaan undang-undang serta ketiadaan definisi yang jelas mengenai buruh kanak-kanak dalam perundangan domestik. Kajian ini juga meneliti jurang dalam literatur, khususnya berkaitan keaburan definisi, kekangan data, serta ketidakseragaman dalam penguatkuasaan undang-undang. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun Malaysia telah meratifikasi instrumen antarabangsa utama dan mempunyai kerangka undang-undang berkaitan, isu pelaksanaan masih menjadi cabaran utama. Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan kepada penyeragaman definisi, pengukuhan kerangka perundangan, serta penambahbaikan mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan perlindungan hak kanak-kanak dapat dilaksanakan secara lebih efektif.

### ABSTRACT

Child labour remains a persistent issue at both global and national levels, including in Malaysia, despite the existence of international instruments such as the Convention on the Rights of the Child (CRC) and the International Labour Organization (ILO) conventions. This article aims to review existing literature on child labour in Malaysia, focusing on its concepts, contributing factors, legal framework, as well as challenges in implementation and enforcement. This study adopts a thematic analysis approach of selected literature to identify key themes related to child labour and to examine existing research gaps. From a legal perspective, Malaysia has enacted several provisions related to child employment, including the Children and Young Persons (Employment) Act 1966, which regulates the employment of children in selected sectors. However, the literature indicates persistent limitations in enforcement and the absence of a clear statutory definition of “child labour” within domestic legislation. This review further identifies key gaps in the literature, particularly in relation to definitional ambiguity, data limitations, and inconsistencies in enforcement practices. Findings suggest that although Malaysia has ratified key international instruments and established relevant legal frameworks, implementation remains a major challenge. Therefore, this study highlights the need for standardised definitions, strengthened legal frameworks, and improved enforcement mechanisms to ensure more effective protection of children’s rights.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan meneliti isu buruh kanak-kanak di Malaysia secara holistik melalui analisis aspek sosioekonomi, sektor penglibatan dan kerangka perundangan. Kajian ini turut mengenal pasti jurang berkaitan kekaburan definisi serta cabaran penguatkuasaan dalam menangani isu buruh kanak-kanak.

## 1. Pengenalan

Pada era globalisasi yang pesat ini, pembangunan dunia telah membawa perubahan ketara dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk ekonomi, teknologi dan sosial. Namun begitu, di sebalik kemajuan ini, isu buruh kanak-kanak masih kekal sebagai cabaran global yang sukar dibendung dan turut memberi kesan kepada banyak negara, termasuk Malaysia. Walaupun negara ini mencatat perkembangan positif dalam pelbagai bidang, Malaysia tidak terkecuali daripada berdepan dengan isu yang melibatkan eksploitasi tenaga kerja kanak-kanak dalam keadaan tertentu. Keadaan ini biasanya berpunca daripada faktor kemiskinan, tekanan ekonomi keluarga, serta keterbatasan akses kepada pendidikan. Walaupun terdapat undang-undang dan dasar yang melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi pekerjaan, pelaksanaannya masih memerlukan penambahbaikan bagi memastikan perlindungan yang lebih menyeluruh. Oleh itu, isu buruh kanak-kanak perlu ditangani secara berterusan di peringkat global dan nasional bagi menjamin kesejahteraan serta hak asasi kanak-kanak.

Dari perspektif antarabangsa, buruh kanak-kanak kekal sebagai masalah yang berterusan di seluruh dunia. Anggaran global oleh United Nations Children's Fund (UNICEF) (n.d.-c) menunjukkan bahawa kira-kira 160 juta kanak-kanak telah terlibat dalam buruh kanak-kanak pada awal tahun 2020, yang mewakili hampir 1 daripada setiap 10 orang kanak-kanak di peringkat global. Selanjutnya, UNICEF turut melaporkan bahawa seramai 79 juta kanak-kanak terlibat dalam kerja-kerja berbahaya yang secara langsung mengancam kesihatan dan keselamatan mereka. Buruh kanak-kanak (UNICEF, n.d.-c) juga menjejaskan kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan, di mana anggaran global menunjukkan bahawa 63 juta kanak-kanak perempuan dan 97 juta kanak-kanak lelaki terlibat dalam buruh kanak-kanak. Justeru, dapat disimpulkan bahawa buruh kanak-kanak tidak mengenal perbezaan jantina dan menyerang kanak-kanak secara menyeluruh. Ini memperlihatkan bahawa isu buruh kanak-kanak semakin meningkat dengan kadar yang membimbangkan dari semasa ke semasa dan sehingga kini masih belum menemui penyelesaian yang tuntas.

Menurut UNICEF (n.d.-a), data yang tersedia berkaitan kelaziman dan bentuk buruh kanak-kanak di Malaysia adalah sangat terhad. Walau bagaimanapun, beberapa indikator menunjukkan bahawa isu ini masih wujud dan signifikan. Sebagai contoh, data yang dibentangkan oleh UNESCO Institute for Statistics (UIS) (2025) menganggarkan seramai 258 juta kanak-kanak dan remaja di seluruh dunia tidak bersekolah berdasarkan data tahun persekolahan yang berakhir pada 2018. Jumlah ini merangkumi 59 juta kanak-kanak di peringkat sekolah rendah, 62 juta di peringkat menengah rendah, dan 138 juta di peringkat menengah atas, sekali gus mencerminkan kerentanan global terhadap risiko buruh kanak-kanak. Selain itu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization) (ILO), melalui laporan yang turut dirujuk oleh UNICEF (n.d.-a), telah menyuarakan kebimbangan terhadap penglibatan kanak-kanak migran dalam sektor pertanian di Sabah, termasuk anggaran sekitar 72,000 kanak-kanak yang dipercayai berada dalam situasi buruh paksa. Perkara ini menunjukkan bahawa isu buruh kanak-kanak tidak hanya bersifat global, malah turut memberi kesan dalam konteks Malaysia secara khusus. Secara keseluruhannya, keadaan ini memperlihatkan bahawa usaha pengumpulan data dan kajian empirikal berkaitan buruh kanak-kanak di Malaysia masih terhad. Ketiadaan data yang komprehensif dan konsisten menyukarkan penilaian sebenar terhadap skala isu ini, sekali gus menekankan keperluan kepada kajian yang lebih sistematik dan menyeluruh pada masa hadapan.

Dari sudut perundangan antarabangsa, definisi "kanak-kanak" merujuk secara konsisten kepada individu yang berumur di bawah 18 tahun sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (Convention on the Rights of the Child 1989) (CRC), serta diperkukuh oleh Artikel 2 Konvensyen ILO No. 182 mengenai Worst Forms of Child Labour 1999. Dalam konteks pekerjaan, ILO Minimum Age Convention No. 138 menetapkan umur minimum bekerja pada 15 tahun, dengan kelonggaran kepada 14 tahun bagi negara tertentu. Konvensyen ini juga membenarkan kerja ringan bagi kanak-kanak berumur 13 hingga 15 tahun, dengan syarat ia tidak menjejaskan pendidikan, kesihatan, atau perkembangan mereka. Sementara itu, bagi pekerjaan berbahaya, umur minimum yang dibenarkan ialah 18 tahun, manakala ILO Convention No. 182 pula mewajibkan penghapusan segera bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk seperti perhambaan, eksploitasi seksual komersial, dan kerja berisiko tinggi.

Selari dengan piawaian antarabangsa tersebut, undang-undang domestik Malaysia turut mengiktiraf definisi kanak-kanak yang selaras melalui Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak

2001, iaitu kanak-kanak ditakrifkan sebagai individu di bawah umur 18 tahun. Namun begitu, dari aspek penggajian, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 menjadi akta utama yang mengawal selia penglibatan individu bawah umur dalam pekerjaan di Malaysia. Dari segi pemakaian, Akta ini secara umumnya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja, manakala di Sabah dan Sarawak, perlindungan berkaitan penggajian kanak-kanak dan orang muda adalah tertakluk kepada undang-undang buruh negeri masing-masing. Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 telah diperkukuh melalui pindaan penting pada tahun 2019, yang antara lain memperjelas perbezaan kategori umur antara “kanak-kanak”, iaitu individu di bawah umur 15 tahun, dan “orang muda”, iaitu mereka yang berumur 15 hingga bawah 18 tahun sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 1A. Pindaan tersebut turut memperkemas kerangka perlindungan sedia ada dengan memperincikan jenis pekerjaan yang dibenarkan serta memperketat larangan terhadap pekerjaan berisiko dan eksploitatif. Secara umumnya, Seksyen 2(2A) memperuntukkan bahawa umur minimum bagi penglibatan dalam pekerjaan ialah 13 tahun. Walau bagaimanapun, kebenaran ini adalah terhad kepada pekerjaan tertentu sahaja, iaitu kerja ringan. “Kerja ringan” ditakrifkan sebagai pekerjaan yang tidak memudaratkan kesihatan, perkembangan fizikal atau mental kanak-kanak, serta tidak menjejaskan kehadiran atau pencapaian mereka dalam pendidikan formal. Dalam masa yang sama, Akta ini turut menetapkan sekatan yang ketat terhadap penglibatan kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan berbahaya. Jadual Keempat secara khusus menyenaraikan bentuk pekerjaan yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi, termasuk pekerjaan yang melibatkan penggunaan mesin berbahaya, persekitaran kerja yang tidak selamat, atau keadaan yang boleh mengancam keselamatan fizikal dan kesihatan pekerja muda. Di samping itu, Jadual Kelima memperuntukkan larangan mutlak terhadap bentuk pekerjaan tertentu yang bersifat eksploitatif atau tidak bermoral, termasuk penglibatan dalam aktiviti pelacuran, perdagangan minuman beralkohol, dan perjudian. Secara keseluruhannya, pindaan tahun 2019 telah memperkukuh lagi rangka perundangan ini dengan memperjelas klasifikasi umur, memperincikan jenis pekerjaan yang dibenarkan, serta mengetatkan larangan terhadap pekerjaan berisiko dan eksploitasi kanak-kanak serta orang muda. Perkembangan ini menunjukkan usaha pengharmonian undang-undang domestik Malaysia dengan piawaian antarabangsa, khususnya prinsip yang digariskan oleh ILO, di samping memperkukuh perlindungan terhadap hak, keselamatan, dan kebajikan golongan kanak-kanak serta orang muda.

Namun begitu, definisi buruh kanak-kanak sering kali disalahertikan memandangkan wujudnya pelbagai penjelasan dan tafsiran mengenainya. Sejak beberapa dekad lalu, ramai penulis dan penyelidik telah mentakrifkan buruh kanak-kanak dalam pelbagai cara, dan istilah ini sering menjadi subjek perdebatan dari segi definisi sebenar. Pertama sekali, menurut kamus terbitan Oxford University Press, *Oxford Languages* (2025), “buruh kanak-kanak” ditakrifkan sebagai pekerjaan kanak-kanak dalam sesuatu industri atau perniagaan, terutamanya apabila ia bersifat haram atau dianggap mengeksploitasi. UNICEF (n.d.-c) pula mentakrifkan “buruh kanak-kanak” sebagai kerja yang tidak sesuai dilakukan oleh kanak-kanak kerana umur mereka yang terlalu muda, atau yang bersifat berbahaya dari segi sifat atau keadaannya. ILO (n.d.-c) turut mentakrifkan buruh kanak-kanak sebagai pekerjaan yang menghalang kanak-kanak daripada hidup di zaman kanak-kanak mereka serta maruah dan potensi kanak-kanak, dan merosakkan perkembangan fizikal dan mental mereka. Sebagai lanjutan, Artikel 3 ILO Worst Forms of Child Labour Convention No. 182 menyatakan bahawa istilah “bentuk-bentuk terburuk buruh kanak-kanak” merangkumi semua bentuk perhambaan, pemerdagangan atau tawaran kanak-kanak untuk pelacuran, pemerdagangan atau tawaran kanak-kanak untuk kegiatan

haram seperti dadah, dan pekerjaan yang secara semula jadi boleh mengancam keselamatan, kesihatan serta moral kanak-kanak.

Begitu juga di Malaysia, literatur sedia ada menekankan kepentingan untuk mengenal pasti, membezakan dan menggunakan pelbagai istilah pekerjaan yang mempunyai implikasi langsung terhadap pentafsiran serta anggaran kejadian buruh kanak-kanak. Istilah-istilah ini merangkumi ungkapan seperti “kerja ringan”, “kanak-kanak bekerja” dan “kanak-kanak dalam aktiviti berbahaya” (Wahab & Dollah, 2023) . Oleh itu, walaupun istilah-istilah tersebut kedengaran hampir serupa, setiap satu membawa maksud yang berbeza dan perlu dibezakan secara jelas bagi memahami isu buruh kanak-kanak secara mendalam. Namun begitu, meskipun telah wujud pelbagai kajian yang dijalankan di Malaysia, masih tiada satu kerangka kerja yang menyeluruh dan berkesan dalam membezakan dengan tepat kesemua istilah tersebut yang merangkumi konsep buruh kanak-kanak.

Buruh kanak-kanak menghasilkan pelbagai kesan buruk yang memberi impak besar terhadap kesejahteraan, perkembangan dan peluang masa depan kanak-kanak. Pertama sekali, daripada perspektif buruh kanak-kanak berbahaya, ia merupakan bentuk buruh yang paling memudaratkan, dengan anggaran seramai 73 juta kanak-kanak berumur antara 5 hingga 17 tahun terlibat dalam pekerjaan berisiko tinggi di pelbagai sektor seperti pertanian, perlombongan, pembinaan, pembuatan, serta dalam sektor rumah penginapan (hotel), bar, restoran, pasar dan perkhidmatan domestik (ILO, n.d.-a). Buruh kanak-kanak berbahaya merujuk secara khusus kepada pekerjaan dalam keadaan yang berbahaya atau tidak sihat, yang boleh menyebabkan kematian, kecederaan atau penyakit kepada kanak-kanak akibat piawaian keselamatan dan kesihatan yang rendah serta pengaturan kerja yang tidak selamat. Jenis buruh ini berpotensi tinggi untuk membawa kepada kecacatan kekal, kesihatan yang terjejas secara serius serta masalah psikologi yang serius. Kenyataan ini turut disokong oleh data yang dikemukakan oleh ILO (2013) yang menganggarkan bahawa sebanyak 22,000 kanak-kanak terbunuh di tempat kerja setiap tahun. Maka jelas bahawa buruh kanak-kanak bukan sahaja menjejaskan hak asasi dan masa depan kanak-kanak, malah meletakkan mereka dalam risiko kematian dan kecederaan yang amat serius.

Di Malaysia, terdapat pelbagai inisiatif yang telah diambil untuk mengekang masalah buruh kanak-kanak. Pertama sekali, projek MY Voice (n.d.), Child Rights Action Hub telah melancarkan Hab Tindakan Hak Kanak-Kanak pada bulan Jun sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh sistem pencegahan buruh kanak-kanak dalam industri minyak sawit dan tekstil. Hab ini membangunkan sistem pencegahan dan pemulihan jangka panjang berasaskan komuniti dengan menekankan prinsip kanak-kanak. Ia memupuk kerjasama antara pelbagai pihak termasuk jenama-jenama terkenal dan ladang tempatan dalam usaha mengekang risiko buruh kanak-kanak dalam rantai bekalan, termasuk di kawasan terpencil. ILO melalui projek Global Accelerator Lab (GALAB) (ILO, 2024) pula telah melancarkan bengkel "SCREAM Training of Trainers (ToT)" pada 15–16 Julai 2024 di Kota Kinabalu, Sabah. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa pendidik dan pemimpin komuniti dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membanteras buruh kanak-kanak. Projek GALAB dibiayai oleh Jabatan Buruh Amerika Syarikat (USDOL) dan telah dilaksanakan di bawah Makmal Pecutan 8.7 ILO yang menekankan penyelesaian berasaskan komuniti, perubahan dasar, latihan kemahiran, dan perlindungan sosial sebagai pendekatan holistik bagi menangani punca buruh kanak-kanak. Selain itu, Project Liber8 (n.d.), sebuah organisasi tempatan, telah merangka pelan tindakan berasaskan pendidikan dan kesedaran untuk mengatasi

masalah buruh kanak-kanak melalui perubahan sikap dalam kalangan belia. Kempen ini menekankan pendidikan mengenai hak kanak-kanak dan memberikan inspirasi kepada mereka untuk bersuara, membuat pilihan bijak serta melindungi diri daripada eksploitasi.

Namun begitu, meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan, isu buruh kanak-kanak masih berterusan di Malaysia dan terus menimbulkan pelbagai cabaran dari pelbagai aspek. Oleh itu, kajian ini akan meneliti literatur sedia ada berkaitan buruh kanak-kanak di samping mengenal pasti jurang dalam kajian terdahulu bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas terhadap isu buruh kanak-kanak dalam konteks Malaysia.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Walaupun buruh kanak-kanak merupakan isu global yang telah lama diberi perhatian melalui pelbagai instrumen antarabangsa seperti CRC dan ILO, isu ini masih berterusan dan menunjukkan pola yang membimbangkan termasuk di Malaysia. Secara global, penglibatan kanak-kanak dalam buruh masih tinggi dengan jutaan kanak-kanak terlibat dalam pekerjaan berbahaya, khususnya dalam sektor pertanian, perkhidmatan dan industri berisiko. Walaupun Malaysia telah meratifikasi instrumen utama seperti ILO Minimum Age Convention No. 138 dan ILO Worst Forms of Child Labour Convention No. 182 serta menggubal Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, isu buruh kanak-kanak masih wujud dalam bentuk tertentu.

Terdapat beberapa isu asas yang menjejaskan keberkesanan usaha menangani masalah ini. Antaranya ialah ketiadaan definisi undang-undang yang jelas mengenai istilah “buruh kanak-kanak” dalam perundangan domestik, yang menyebabkan ketidakseragaman dalam interpretasi, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Kekaburan konsep ini turut menyukarkan pengumpulan data yang tepat serta menjejaskan usaha perlindungan menyeluruh terhadap kanak-kanak (Wahab & Dollah, 2023; Virginia, 2010). Selain itu, bukti dan laporan sedia ada turut menunjukkan kewujudan penglibatan kanak-kanak dalam sektor tertentu, termasuk dalam situasi eksploitasi dan buruh paksa, yang memberi kesan terhadap imej negara serta hak asasi kanak-kanak (*Pendakwa Raya Iwn Nur Bakti bin Abd Rahman dan satu lagi* [2025] MLJU 340).

Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk menilai semula kerangka perundangan dan dasar sedia ada di Malaysia bagi memastikan satu definisi yang jelas, seragam dan menyeluruh dapat diwujudkan. Langkah ini penting untuk memperkukuh pelaksanaan undang-undang, meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, serta mempertingkatkan tahap perlindungan hak kanak-kanak secara lebih berkesan.

### 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini meninjau literatur sedia ada berkaitan isu buruh kanak-kanak di peringkat global dan nasional, khususnya dalam konteks Malaysia. Sorotan ini meneliti perbincangan lepas mengenai isu buruh kanak-kanak serta kerangka perundangan dan dasar berkaitan, termasuk piawaian antarabangsa di bawah CRC dan ILO.

Selain itu, kajian ini mengenal pasti jurang utama dalam literatur, khususnya berkaitan ketiadaan definisi undang-undang yang jelas mengenai “buruh kanak-kanak” di Malaysia serta cabaran pelaksanaan dan penguatkuasaan. Sorotan ini turut menilai implikasi jurang tersebut terhadap keberkesanan dasar serta perlindungan hak kanak-kanak.

## 2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini membincangkan isu buruh kanak-kanak di peringkat global dan nasional, khususnya dalam konteks Malaysia. Perbincangan merangkumi kajian lepas, kerangka perundangan dan dasar berkaitan bagi memberi gambaran umum tentang isu ini. Sorotan ini juga meneliti konsep asas, faktor penyumbang, serta isu pelaksanaan dan penguatkuasaan, di samping mengenal pasti jurang dalam literatur sedia ada.

### 2.1. Konsep dan Asas Buruh Kanak-kanak

Nik et al. (2016) menyatakan bahawa dalam persekitaran yang normal dan bermoral, kanak-kanak sepatutnya boleh bergantung dan mempercayai orang dewasa terutamanya ibu bapa, ahli keluarga terdekat dan saudara-mara bagi mendapatkan asuhan dan bimbingan yang sewajarnya demi proses tumbesaran mereka. Kenyataan ini disokong oleh Rahimah & Suriati (2013), yang menyatakan bahawa di banyak negara di seluruh dunia, isu buruh kanak-kanak masih berterusan walaupun terdapat undang-undang dan peraturan yang telah digubal dan dilaksanakan bagi menghapuskan masalah ini. Umum bersetuju bahawa dalam banyak keadaan, kanak-kanak lebih digemari sebagai tenaga kerja kerana mereka lebih mudah untuk dimanipulasi, diugut, didera dan dieksploitasi disebabkan oleh kurangnya pengalaman dan tahap kematangan mereka yang rendah.

### 2.2. Isu Data dan Kelaziman Buruh Kanak-Kanak

Punca utama kepada isu buruh kanak-kanak secara umumnya telah dipersetujui berpunca daripada kekurangan pengumpulan data yang mencukupi berkenaan isu ini. Data terakhir yang dikemukakan kepada pengetahuan umum oleh ILO adalah pada tahun 2024, di mana hampir 138 juta kanak-kanak terlibat dalam buruh kanak-kanak. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa data tersebut hanyalah merupakan suatu anggaran dan bukan data sebenar yang diperoleh berdasarkan rekod menyeluruh mengenai penglibatan kanak-kanak, termasuklah butiran khusus berkaitan jenis penglibatan mereka dalam pelbagai sektor (Rahimah & Suriati, 2013; Dash et al., 2018). Ini merupakan satu jurang ketara yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini kerana ketiadaan data substantif yang tepat dan menyeluruh mengenai buruh kanak-kanak akan memberi kesan negatif dalam merangka kerangka undang-undang yang berkesan bagi menangani isu ini. Hal ini demikian kerana apabila punca utama kepada isu ini masih belum dikenal pasti secara jelas, sebarang bentuk penyelesaian atau langkah yang diambil untuk membendung buruh kanak-kanak berisiko menjadi sia-sia.

### 2.3. Kekaburan Definisi Buruh Kanak-Kanak

Melalui kajian literatur yang meluas, para penulis secara konsisten menegaskan bahawa masih wujud ketiadaan definisi yang jelas serta tidak terdapat takrifan yang diterima secara sejagat bagi istilah “buruh kanak-kanak” (Nik et al., 2016; Rahimah & Suriati, 2013; Dash et al., 2018). Keadaan ini menunjukkan bahawa konsep buruh kanak-kanak masih bersifat kabur dan bergantung kepada interpretasi pelbagai pihak.

Selain itu, terdapat cabaran konsep dan praktikal yang berterusan dalam membezakan antara buruh kanak-kanak dengan bentuk aktiviti lain yang hampir serupa seperti “kanak-kanak bekerja”, “kanak-kanak yang membantu ibu bapa”, serta “kanak-kanak yang menjalankan kerja rumah tangga” (Berlan, 2013; White, 1996; Wahab & Dollah,

2022; Wahab & Dollah, 2023). Perbezaan interpretasi ini menyukarkan penentuan sempadan yang jelas antara aktiviti yang dianggap normal dalam konteks sosial dan aktiviti yang dikategorikan sebagai eksploitasi buruh.

Kekaburan definisi ini turut memberi kesan kepada pengumpulan data, apabila dapatan oleh organisasi antarabangsa seperti ILO dan UNICEF cenderung mengkategorikan kanak-kanak dalam pelbagai bentuk penglibatan kerja tanpa penilaian kontekstual yang mendalam. Selain itu, terdapat juga isu ketidaklengkapan data yang berpunca daripada kekurangan pelaporan, representasi media yang tidak tepat, kegagalan mengambil kira konteks budaya, serta potensi penyalahgunaan data (Navpreet K. & Byard, 2021; Okali et al., 2022; Sabates-Wheeler & Sumberg, 2021).

Oleh itu dapat dilihat kekaburan definisi ini menunjukkan bahawa isu buruh kanak-kanak bukan sahaja bersifat undang-undang, tetapi juga melibatkan cabaran konseptual dan metodologi yang memberi kesan langsung kepada ketepatan data serta keberkesanan dasar dan intervensi.

## 2.4. Sektor Penglibatan

Majoriti kes buruh kanak-kanak dilaporkan berlaku dalam sektor pertanian, termasuk perladangan kelapa sawit, koko, getah, teh dan komoditi pertanian lain. Sektor ini dikenal pasti sebagai antara sektor utama yang menggaji kanak-kanak, khususnya di kawasan luar bandar dan komuniti berpendapatan rendah. Trend ini turut dilaporkan secara konsisten dalam literatur tempatan dan antarabangsa (Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) & UNICEF, 2019; Wahab & Dollah, 2023).

Berdasarkan perangkaan UNICEF Malaysia (2024), tinjauan pekerjaan di kawasan ladang pada tahun 2018 menganggarkan kira-kira 33,600 kanak-kanak berumur 5 hingga 17 tahun terlibat dalam industri kelapa sawit, dengan Sabah mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 58.8% (sekitar 19,800 kanak-kanak). Keadaan ini boleh dikaitkan dengan dominasi sektor kelapa sawit di Sabah sebagai penyumbang utama ekonomi negeri. Menurut Wahab & Dollah (2023), industri kelapa sawit merupakan antara penyumbang utama eksport Malaysia dengan nilai mencecah RM60 bilion hingga RM70 bilion setahun, menjadikan Malaysia antara pengeluar utama minyak sawit dunia. Sektor ini juga bersifat berintensifkan buruh dengan kebergantungan tinggi terhadap tenaga kerja fizikal, termasuk pekerja migran (Wahab, 2019). Kajian turut menunjukkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti tidak formal atau bantuan keluarga dalam rangkaian pengeluaran kelapa sawit, khususnya dalam kalangan komuniti migran dan tanpa kerakyatan.

Selain itu, literatur menunjukkan bahawa mekanisme pemantauan buruh kanak-kanak dalam sektor tidak formal masih terhad. Faktor seperti akses pendidikan yang rendah, ketiadaan pendaftaran kelahiran, serta pengawasan yang terhad di kawasan luar bandar menyumbang kepada risiko eksploitasi yang tidak dikesan (Navpreet & Byard, 2021). Di Malaysia, laporan media menunjukkan bahawa data rasmi terakhir berkaitan penglibatan kanak-kanak dalam pekerjaan adalah berdasarkan bancian lama oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, iaitu 43,000 kanak-kanak (10–14 tahun) pada tahun 1980 dan 39,746 pada tahun 1991, sebelum tiada data terperinci diterbitkan secara terbuka selepas itu (New Straits Times, 2024).

Dapatan literatur turut menunjukkan bahawa buruh kanak-kanak lebih banyak berlaku di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar, selari dengan penumpuan sektor pertanian sebagai industri utama (UNICEF, n.d.-c). Hal ini turut disokong oleh Navpreet & Byard (2021), yang menyatakan bahawa buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia lazimnya berlaku di peringkat asas rantai bekalan, khususnya dalam sektor pertanian dan pengeluaran bahan mentah. Keadaan ini sering dikaitkan dengan faktor kemiskinan, tekanan ekonomi keluarga, serta status tanpa dokumen yang mendorong penglibatan kanak-kanak dalam pekerjaan berisiko. Walaupun sektor pertanian merupakan penyumbang utama, buruh kanak-kanak tidak terhad kepada sektor ini sahaja. Aktiviti eksploitasi turut dilaporkan dalam sektor lain seperti perikanan dan perkilangan. Sebagai contoh, laporan oleh Bernama (2024) menunjukkan kes penyelamatan remaja warga asing yang dipercayai menjadi mangsa buruh paksa di sebuah kilang di Perak. Hal ini menunjukkan bahawa isu buruh kanak-kanak bersifat rentas sektor dan memerlukan pendekatan dasar serta penguatkuasaan yang lebih menyeluruh dan bersepadu.

Secara keseluruhan, walaupun literatur telah mengenal pasti sektor pertanian sebagai sektor utama yang melibatkan buruh kanak-kanak, masih terdapat beberapa jurang kajian. Antaranya termasuk kekurangan data yang komprehensif dan terkini mengikut sektor ekonomi di Malaysia, serta kecenderungan literatur yang lebih tertumpu kepada sektor pertanian khususnya kelapa sawit. Selain itu, masih terhad kajian yang membezakan bentuk penglibatan kanak-kanak mengikut jenis pekerjaan sama ada formal, tidak formal atau kerja keluarga, serta perbandingan merentas sektor ekonomi.

## 2.5. Faktor Penyumbang

Terdapat pelbagai faktor sosioekonomi yang menyumbang kepada fenomena buruh kanak-kanak, antaranya kemiskinan, penghijrahan, mudah dimanipulasi, serta status dokumentasi yang tidak sah atau pendatang tanpa izin (Nik et al., 2016; Wahab & Dollah, 2023; Rahimah & Suriati, 2013). Selain itu, terdapat kanak-kanak yang terpaksa memikul tanggungjawab keluarga pada usia muda akibat keadaan tidak dijangka seperti kematian awal ibu bapa, yang memaksa mereka bekerja demi kelangsungan hidup. Terdapat juga kes kanak-kanak yang terlibat dalam pekerjaan akibat penghijrahan ibu bapa dari negara seperti Indonesia dan Filipina, yang menyebabkan anak-anak mereka lahir dan membesar tanpa kewarganegaraan (*statelessness*) serta dokumen perjalanan yang sah. Walau bagaimanapun, literatur sedia ada masih kurang memberi penekanan kepada aspek penyelesaian dasar yang komprehensif, khususnya dalam menangani isu status tanpa kewarganegaraan dan pendatang tanpa dokumen, yang merupakan jurang penting dalam kajian semasa.

## 2.6. Impak terhadap Pendidikan

Isu ketiadaan kewarganegaraan akhirnya membawa kepada pengasingan kanak-kanak daripada sistem pendidikan formal di Malaysia. Sebagai contoh, kanak-kanak yang memasuki Sabah bersama ibu bapa mereka dibenarkan tinggal melalui permit khas bagi tanggungan, yang menyebabkan mereka berada dalam kategori pekerja dan tanggungan tidak tetap. Dilaporkan bahawa hampir separuh daripada kanak-kanak yang terlibat dalam buruh kanak-kanak tidak berdaftar dalam sistem pendidikan formal dan tidak memperoleh masa yang mencukupi untuk perkembangan pendidikan (Rahimah & Suriati, 2013; Wahab & Dollah, 2023; Blanco & Hagemann, 2008). Hal ini berlaku kerana kanak-kanak yang bekerja cenderung bekerja melebihi waktu yang ditetapkan,

menyebabkan keletihan dan mengurangkan keupayaan untuk memberi tumpuan dalam pembelajaran. Walaupun isu ini telah dibincangkan dalam literatur, masih terdapat kekurangan kajian yang meneroka secara mendalam penyelesaian praktikal terhadap cabaran berkaitan imigresen dan ketiadaan kewarganegaraan dalam konteks akses pendidikan, sekali gus menunjukkan jurang penting dalam penyelidikan sedia ada.

## 2.7. Kerangka Perundangan

Kerangka perundangan Malaysia dan antarabangsa yang mentadbir isu buruh kanak-kanak telah dianalisis dalam literatur sedia ada, dan secara sebulat suara dinyatakan bahawa Malaysia telah meratifikasi CRC pada tahun 1995. Ini menjelaskan bahawa kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan semua kanak-kanak di Malaysia menerima hak-hak yang telah dinyatakan dalam konvensyen tersebut (Nik et al., 2016; Wahab & Dollah, 2023). Sehubungan itu, Wahab & Dollah (2023) turut menegaskan bahawa Malaysia telah meratifikasi beberapa konvensyen ILO yang amat relevan dalam menangani isu buruh kanak-kanak. Ini termasuklah Konvensyen Umur Minimum (C.138), Konvensyen Bentuk Terburuk Buruh Kanak-Kanak (C.182), dan Konvensyen Buruh Paksa (C.29), yang antara lain mengukuhkan lagi komitmen Malaysia untuk melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk eksploitasi ekonomi dan aktiviti yang berbahaya atau boleh mengganggu pendidikan serta kesihatan mereka. Walau bagaimanapun, pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut dalam kerangka undang-undang domestik masih tidak menyeluruh. Ini adalah kerana, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 hanya mengawal aspek pekerjaan kanak-kanak tetapi tidak memperuntukkan definisi yang jelas mengenai “buruh kanak-kanak”, sekali gus mewujudkan kekaburan dari segi interpretasi dan penguatkuasaan undang-undang.

Dari perspektif pelaksanaan, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (pindaan 2019) membenarkan penglibatan kerja ringan bagi individu seawal umur 13 tahun, manakala penglibatan yang lebih meluas dalam pasaran pekerjaan lazimnya dibenarkan bagi mereka yang berumur 15 tahun ke atas. Dalam masa yang sama, Akta Pendidikan 1996 hanya mewajibkan pendidikan sehingga peringkat sekolah rendah. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan ruang kepada penglibatan awal remaja dalam pasaran pekerjaan (Tong et al., 2025). Walaupun tiada data khusus mengenai kanak-kanak di bawah umur 15 tahun yang bekerja, Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan seramai 717,600 remaja berumur 15 hingga 19 tahun berada dalam pasaran kerja (Meor Harman, 2022), yang memberikan indikasi awal terhadap penglibatan tenaga muda dalam pekerjaan, meskipun tidak secara langsung menggambarkan skop buruh kanak-kanak.

Tambahan pula, perkembangan perundangan terkini melalui Rang Undang-Undang Pendidikan (Pindaan) 2025 yang memperluaskan kewajipan pendidikan sehingga peringkat sekolah menengah dilihat sebagai usaha mengurangkan risiko keciciran pendidikan dan penglibatan awal dalam pasaran kerja (Zakri, 2025). Namun demikian, ketidakselarasan dalam kerangka perundangan masih wujud, khususnya dalam Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dari segi penetapan umur minimum dan skop perlindungan undang-undang (Tong et al., 2025), yang berpotensi menjejaskan keberkesanan pelaksanaan perlindungan kanak-kanak secara menyeluruh. Oleh itu, situasi ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang dari segi penyelarasan antara dasar pendidikan, peruntukan umur minimum pekerjaan, dan skop perlindungan undang-undang, yang seterusnya memerlukan penelitian lanjut bagi menilai

keberkesanan sebenar kerangka perundangan dalam mencegah penglibatan awal kanak-kanak dalam pasaran pekerjaan.

Selain itu, literatur menunjukkan bahawa isu buruh kanak-kanak tidak boleh ditangani melalui pendekatan undang-undang semata-mata. Sharma (2015) menegaskan bahawa kelemahan utama terletak pada aspek penguatkuasaan, yang menyebabkan kanak-kanak masih terdedah kepada eksploitasi. Pandangan ini diperluaskan oleh Sharma (2022), yang mencadangkan penglibatan sektor korporat melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meningkatkan pematuhan terhadap piawaian buruh kanak-kanak. Kajian oleh Haswaniza Hanafi et al. (2024) pula menekankan bahawa faktor sosio-ekonomi seperti kemiskinan, migrasi, latar belakang keluarga, dan akses pendidikan turut memainkan peranan penting, sekali gus menunjukkan wujudnya jurang antara kerangka undang-undang dan realiti pelaksanaan.

Ketiadaan definisi statutori memberi kesan kepada tafsiran dan penguatkuasaan undang-undang, khususnya dalam membezakan antara kerja yang dibenarkan dengan bentuk eksploitasi buruh. Keadaan ini turut menyumbang kepada ketidakseragaman pelaksanaan undang-undang serta melemahkan keberkesanan perlindungan kanak-kanak di Malaysia. Sehubungan itu, literatur sedia ada menunjukkan bahawa terdapat jurang dari segi penekanan terhadap penyelesaian praktikal, khususnya dalam aspek penyelarasan kerangka perundangan dan penyeragaman definisi bagi memastikan perlindungan yang lebih jelas dan berkesan terhadap kanak-kanak yang terdedah kepada eksploitasi buruh.

## 2.8. Pendekatan Kajian dalam Literatur

Berdasarkan analisis terhadap literatur sedia ada mengenai buruh kanak-kanak, pelbagai pendekatan metodologi telah digunakan termasuk tinjauan kuantitatif, kajian kualitatif, kaedah campuran (*mixed methods*), ulasan literatur serta analisis data sekunder. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa limitasi metodologi yang dikenal pasti dalam kajian-kajian lepas.

Sebagai contoh, kajian oleh Nik et al. (2016) menggunakan pendekatan kuantitatif melibatkan sejumlah 454 kanak-kanak yang bekerja, namun tidak memperincikan pembahagian sampel mengikut faktor seperti negeri, jantina atau jenis pekerjaan. Kekangan ini mengehadkan analisis berasaskan demografi yang lebih mendalam. Sementara itu, kajian oleh Wahab & Dollah (2023) yang menggunakan gabungan tinjauan dan temu bual mendalam melibatkan sampel yang lebih kecil serta terhad kepada lokasi terpilih, sekali gus mengehadkan kebolehumuman dapatan kajian. Kajian ulasan literatur oleh June (2009) pula tidak memperincikan secara jelas strategi pemilihan sumber, selain lebih menumpukan kepada konteks global tanpa pengkhususan kepada situasi tempatan.

Dari sudut pendekatan analisis, terdapat juga kajian seperti Nik et al. (2016) yang menggunakan pendekatan berasaskan perundangan dengan penekanan kepada penilaian kerangka undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, pendekatan ini bersifat legal-centric dan kurang mengintegrasikan faktor struktur sosioekonomi seperti kemiskinan dan penghijrahan yang turut mempengaruhi fenomena buruh kanak-kanak. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat kekangan dalam menghubungkan analisis perundangan dengan realiti sosial yang lebih luas.

Sehubungan itu, literatur sedia ada menunjukkan keperluan kepada pendekatan yang lebih holistik yang menggabungkan perspektif perundangan dan sosioekonomi bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap isu buruh kanak-kanak.

## 2.9. Perbandingan Antarabangsa

Menurut ILO (2021), rantau Eropah Utara, Selatan dan Barat yang merangkumi negara Sweden mencatatkan kadar buruh kanak-kanak paling rendah di dunia, iaitu hanya sebanyak 0.6%. Hugh (2015) menjelaskan bahawa Sweden telah meratifikasi CRC serta Konvensyen ILO 138 (berkaitan Umur Minimum untuk Pekerjaan) dan Konvensyen 182 (berkaitan Bentuk Terburuk Buruh Kanak-Kanak). Selain itu, Sweden turut melaksanakan beberapa reformasi undang-undang seperti menaikkan umur minimum untuk bekerja, melarang kerja berbahaya ke atas kanak-kanak, dan memastikan hak kanak-kanak terhadap pendidikan dijamin sepenuhnya.

India, sebaliknya, mempunyai undang-undang khusus seperti Akta Perantisan 1961, yang menetapkan bahawa kanak-kanak tidak dibenarkan menjalani latihan perantisan melainkan telah mencapai umur 14 tahun serta memenuhi standard pendidikan dan lulus ujian kesihatan fizikal yang ditetapkan. Pada masa yang sama, India turut memperkenalkan satu lagi kerangka perundangan iaitu Akta Buruh Perladangan 1951, yang melarang pengambilan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun untuk bekerja. Bagi kanak-kanak yang berumur melebihi 12 tahun, mereka hanya dibenarkan bekerja sekiranya memperoleh sijil kesihatan yang sah daripada doktor yang dilantik oleh pihak berkuasa (Dash et al. 2018).

Walaupun literatur sedia ada telah membincangkan pendekatan perundangan yang dilaksanakan di negara seperti Sweden dan India dalam menangani isu buruh kanak-kanak, kebanyakan perbincangan lebih tertumpu kepada penerangan umum mengenai kerangka undang-undang dan dasar yang diperkenalkan. Namun demikian, penelitian terhadap keberkesanan pelaksanaan undang-undang tersebut dalam konteks sosial dan ekonomi yang berbeza masih terhad.

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa isu buruh kanak-kanak dipengaruhi oleh faktor definisi, data, sosioekonomi, migrasi, serta kelemahan penguatkuasaan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pendekatan holistik yang menggabungkan kerangka undang-undang, realiti sosial dan pembaharuan dasar bagi menangani isu ini secara lebih berkesan.

## 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan sorotan literatur. Data diperoleh daripada sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku akademik, laporan organisasi antarabangsa, serta dokumen perundangan berkaitan buruh kanak-kanak di peringkat global dan nasional. Antara rujukan utama termasuk laporan daripada United Nations Children's Fund (UNICEF), ILO, serta dokumen perundangan Malaysia seperti Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

Analisis dilakukan secara tematik dengan mengenal pasti tema utama seperti konsep buruh kanak-kanak, faktor penyumbang, kerangka perundangan, serta isu pelaksanaan dan penguatkuasaan. Kaedah ini membolehkan penilaian kritikal terhadap literatur

sedia ada serta mengenal pasti jurang kajian yang wujud, khususnya dalam konteks Malaysia.

#### 4. Hasil Kajian

Berdasarkan analisis literatur yang telah dijalankan, beberapa dapatan utama dapat dikenal pasti berkaitan isu buruh kanak-kanak di peringkat global dan di Malaysia. Secara umum, literatur menunjukkan bahawa walaupun pelbagai instrumen antarabangsa telah diwujudkan untuk melindungi kanak-kanak, isu buruh kanak-kanak masih kekal sebagai cabaran yang berterusan di peringkat global (Nik et al., 2016; Rahimah & Suriati, 2013). Instrumen seperti CRC dan Konvensyen ILO menetapkan kewajipan negara untuk melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi ekonomi, namun literatur menunjukkan pelaksanaannya masih tidak konsisten di pelbagai negara (Wahab & Dollah, 2023; Sharma, 2024).

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa salah satu isu utama yang berulang dalam literatur ialah ketiadaan definisi undang-undang yang seragam mengenai istilah “buruh kanak-kanak” (Nik et al., 2016; Rahimah & Suriati, 2013; Dash et al., 2018). Dalam konteks Malaysia, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 hanya mengawal aspek pekerjaan kanak-kanak tetapi tidak memperuntukkan definisi khusus mengenai buruh kanak-kanak. Keadaan ini mewujudkan kekaburan dari segi interpretasi undang-undang yang seterusnya memberi kesan kepada penguatkuasaan serta klasifikasi kes di lapangan (Wahab & Dollah, 2022).

Dari segi faktor penyumbang, literatur secara konsisten menunjukkan bahawa isu buruh kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi seperti kemiskinan, migrasi, serta ketiadaan akses kepada pendidikan yang mencukupi (Nik et al., 2016; Rahimah, A. A. & Suriati, I., 2013; Wahab & Dollah, 2023; Haswaniza Hanafi et al., 2024). Sektor pertanian seperti kelapa sawit, koko, getah dan teh dikenal pasti sebagai antara sektor utama yang melibatkan kanak-kanak, khususnya di kawasan luar bandar dan miskin (FAO & UNICEF, 2019; Wahab & Dollah, 2023).

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak masih berdepan beberapa kekangan praktikal. Antaranya termasuk kelemahan penguatkuasaan di sektor tidak formal, kekurangan pemantauan yang konsisten, serta isu kekurangan data yang tepat dan menyeluruh (Rahimah & Suriati, 2013; Dash et al., 2018). Data ILO turut menunjukkan bahawa anggaran 138 juta kanak-kanak terlibat dalam buruh kanak-kanak di seluruh dunia, namun data ini masih bersifat anggaran dan tidak merangkumi situasi sebenar secara terperinci.

Akhir sekali, analisis literatur menunjukkan wujudnya masalah yang lebih asas dalam struktur perundangan Malaysia, iaitu ketidakselarasan antara definisi, umur minimum, dan skop perlindungan. Walaupun Malaysia telah meratifikasi instrumen antarabangsa utama seperti CRC dan konvensyen ILO, pelaksanaannya masih lemah disebabkan ketidakjelasan dalam undang-undang domestik, terutamanya berkaitan ketiadaan definisi jelas mengenai buruh kanak-kanak dan perbezaan dalam penetapan umur minimum (Sharma, 2022; Tong et al., 2025). Ketidakselarasan ini bukan sahaja menjejaskan konsistensi penguatkuasaan, tetapi juga menunjukkan ketiadaan pendekatan holistik dalam menangani isu buruh kanak-kanak. Justeru, jurang utama yang dikenal pasti adalah ketiadaan penyelarasan menyeluruh antara kerangka perundangan, pelaksanaan institusi, dan realiti sosio-ekonomi dalam konteks Malaysia.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, isu buruh kanak-kanak kekal sebagai cabaran berterusan yang memerlukan perhatian bersepadu di peringkat global dan nasional. Walaupun pelbagai instrumen antarabangsa telah diwujudkan di bawah CRC dan ILO, keberkesanan pelaksanaannya masih bergantung kepada kejelasan kerangka undang-undang dan keupayaan penguatkuasaan di peringkat domestik. Dalam konteks Malaysia, isu ini menunjukkan keperluan kepada penambahbaikan dari segi keseragaman definisi undang-undang, pengukuhan mekanisme pelaksanaan serta penambahbaikan pendekatan tadbir urus undang-undang sedia ada seperti Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966. Di samping itu, faktor struktur sosial dan ekonomi terus memainkan peranan penting yang mempengaruhi keberadaan isu ini dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini menegaskan kepentingan pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan perlindungan kanak-kanak dapat dilaksanakan secara lebih efektif, selaras dengan komitmen antarabangsa dan keperluan tempatan.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Tidak berkenaan.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan kewangan bagi tujuan penerbitan artikel ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau dana daripada mana-mana pihak.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Berlan, A. (2013). Social sustainability in agriculture: An anthropological perspective on child labour in cocoa production in Ghana. *The Journal of Development Studies*, 49(8), 1088–1100. <https://doi.org/10.1080/00220388.2013.780041>
- Bernama. (2024, September 11). Perak dept rescues four Bangladeshi teens from factory forced labour. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/09/11/perak-dept-rescues-four-bangladeshi-teens-from-factory-forced-labour/150097>
- Blanco, F. & Hagemann, F., 2008. *Child Labour and Education : Evidence from SIMPOC Surveys Working Paper*. Geneva: ILO. <https://www.ilo.org/publications/child-labour-and-education-evidence-simpoc-surveys>

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Dash, B. M., Prashad, L., & Dutta, M. (2018). *Demographic trends of child labour in India: Implications for policy reforms*. *Global Business Review*, 19(5), 1345–1362. <https://doi.org/10.1177/0972150918788626>
- De Facto Law Journal. (2025). *Traditional vs. Modern Legal Research Methods*. DeFacto Law Journal Org. <https://defactolawjournal.org/traditional-vs-modern-legal-research-methods/>
- Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) & UNICEF. (2019). *Child labour in agriculture: The demand side*. UNICEF Lebanon. [https://www.unicef.org/lebanon/media/1656/file/ChildLabour\\_FAO&UNICEF\\_2019.pdf](https://www.unicef.org/lebanon/media/1656/file/ChildLabour_FAO&UNICEF_2019.pdf)
- International Labour Organisation. (n.d.-a) *Hazardous Child Labour*. International Labour Organisation. <https://www.ilo.org/resource/hazardous-child-labour>
- International Labour Organization. (n.d.-b). *Combating Child Labour through Skills Training for Older Children*. <https://www.ilo.org/projects-and-partnerships/projects/combating-child-labour-through-skills-training-older-children>
- International Labour Organization. (n.d.-c). *What is Child Labour*. International Labour Organization. <https://www.ilo.org/topics/child-labour/what-child-labour>
- International Labour Organisation. (2013). *Occupational Safety and Health (OSH)*. International Labour Organisation. <https://www.ilo.org/resource/occupational-safety-and-health-osh>
- International Labour Organization. (2021). *Child Labour Statistical Profile: Europe And Central Asia (Prevalance and Characteristics)*. International Labour Organization. [https://www.ilo.org/sites/default/files/2024-11/Statistical\\_Profile%20\\_GE\\_Europe\\_and\\_Central\\_Asia\\_FINAL\\_20221114\\_NEW.pdf](https://www.ilo.org/sites/default/files/2024-11/Statistical_Profile%20_GE_Europe_and_Central_Asia_FINAL_20221114_NEW.pdf)
- International Labour Organization. (2024). *Safeguarding children's futures: A SCREAM teacher training to tackle child labour in Sabah, Malaysia*. <https://www.ilo.org/resource/news/safeguarding-childrens-futures-scream-teacher-training-tackle-child-labour>
- International Trade Administration. (2024). *Agricultural Sector*. International Trade Administration. <https://www.trade.gov/country-commercial-guides/malaysia-agricultural-sector>
- James A. Stafford. (n.d.) *What is Research*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/811864759/Research-Meaning-Objectives-Kinds-Etc-03-Jan-2025-18-38-55-1>
- June, K. (2009). What the economic crisis means for child labour. *Global Social Policy*, 9(1\_suppl). <https://doi.org/10.1177/1468018109106890>
- Kalaria, O., Emmanuel, F. B., & James, S. (2022). The quantification of child labour by Ghana's mass media: A missed opportunity? *Africa Spectrum*, 57(2). <https://doi.org/10.1177/00020397221096166> [
- Mathews, R., Reis, C., & Iacopino, V. (2003). Child labour: A matter of health and human rights. *Journal of Ambulatory Care Management*. 26(2), 181-182. <https://doi.org/10.1097/00004479-200304000-00010>
- Meor Harman (2022, Ogos 3). Buruh kanak-kanak, dilema akta lapuk. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/commentary/buruh-kanak-kanak-dilema-akta-lapuk/>
- My Voice. (n.d.) *About the Child Rights Action Hub*. <https://myvoiceproject.org/key-outputs-activities/child-labour-remediation-hub/>

- Navpreet, K., & Byard, W. R. (2021). Prevalence and potential consequences of child labour in India and the possible impact of COVID-19: A contemporary review. *Medicine, Science and the Law*, 61(3), 208-214. <https://doi.org/10.1177/0025802421993364>
- Nik, A. K., Marhanum, C. M. S., Ashgar, A. M., & Azizah, A. (2016). A study on child labour as a form of child abuse in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(10), 789–793. <https://doi.org/10.7763/IJSSH.2016.V6.704>
- OXFORD Languages. (2025). *Definition of Child Labour*. Oxford University Press Oxford Languages. <https://languages.oup.com/google-dictionary-en/>
- Project Liber8, Malaysia. (n.d.) *Develop An Action Plan to End Child Labour. International Year for the Elimination of Child Labour*. <https://endchildlabour2021.org/wp-content/uploads/2021/06/Project-Liber8.pdf>
- Rahimah, A. A., & Suriati, I. (2013). Working children and knowledge of right to education: A study of child labour in Sabah, Malaysia. *Asian Social Science*, 9(8), 23–31. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n8p23>
- Sabates-Wheeler, R., & Sumberg, J. (2021). Breaking out of the policy enclave approach to child labour in Sub-Saharan African agriculture. *Global Social Policy*, 22(1). <https://doi.org/10.1177/14680181219918>
- Sharma, P. (2022). *Children are everyone's business: Child labour, corporate social responsibility and the law in Malaysia*. *Malayan Law Journal*, 4, cxlii.
- Sharma, P. (2015). *Exploitation of children for labour: The Malaysian predicament*. *Malayan Law Journal*, 6, xxxvi.
- Tong, S. Y. Y., Kadir, N. A., Rajamanickam, R., & Zahir, M. Z. M. (2025). Child labour issues and challenges: A review of international and Malaysian law. *Veredas do Direito*, 22, e223716. <https://doi.org/10.18623/rvd.v22.n4.3716>
- Tiwari, R. R., & Saha, A. (2014). Morbidity profile of child labour at gem polishing units of Jaipur, India. *International Journal of Occupational and Environmental Medicine*. 5(3),125–129. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7767600/>
- U.S. Department of Commerce. (2024). *Malaysia agricultural sector*. <https://www.trade.gov/country-commercial-guides/malaysia-agricultural-sector>
- UNESCO. (2025) *Out-of-School Children and Youth*. UNESCO Institute of Statistics. <https://uis.unesco.org/en/topic/out-school-children-and-youth>
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (n.d.-a). *Child Rights and Business Guidance for Chinese Companies Operating in Malaysia*. <https://www.unicef.cn/en/csr/malaysia>
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (n.d.-b). *EU, ILO, and UNICEF Launch Programme to Address Child Labour in Sabah*. <https://www.unicef.org/malaysia/press-releases/eu-ilo-and-unicef-launch-programme-address-child-labour-sabah>
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (n.d.-c). *What is Child Labour..* <https://www.unicef.org/protection/child-labour>
- Morrow, V. (2010). Should the world really be free of 'child labour'? Some reflections. *Children & Society*. 17(4). <https://doi.org/10.1177/0907568210387334>
- VoiceDocs. (n.d.). *Historical Research*. <https://voicedocs.com/en/blog/historical-research>
- Wahab, A. (2019). Human rights anchored in business: Practice and challenges in the palm oil sector in Malaysia. *Asian International Studies Review*, 20(1), 1-20, <https://doi.org/10.1163/2667078X-02001006>
- Wahab, A., & Dollah, R. (2023). Measuring child labour in oil palm production in Sabah, Malaysia. *SAGE Open*. <https://doi.org/10.1177/21582440231201264>
- Wahab, A., & Dollah, R. (2022). Child labour and unfree labour: Evidence from the palm oil sector in Sabah (East Malaysia). *Journal of Human Rights*, 22(3), 351–366.

- White, B. (1996). Globalization and the child labour problem. *Journal of International Development*, 8(6), 829–839.
- Xu, W., & Zammit, K. (2020). Applying thematic analysis to education: A hybrid approach to interpreting data in practitioner research. *International Journal of Qualitative Methods*, 19. <https://doi.org/10.1177/1609406920918810>
- Zakri, J. (2025, Julai 30). Malaysia passes law to make secondary schooling compulsory, parents can be jailed for non-compliance. *The Edge Malaysia*. <https://theedgemaalaysia.com/node/764667>